

Kata Sapaan Separa Rasmi dalam Masyarakat Minangkabau di Kabupaten 50 Kota dan Daerah Rembau: Suatu Kajian Perbandingan

Semi-formal Words of Greeting Among the Minangkabau in 50 Kota Regency and Rembau District:
A Comparative Analysis

RENIWATI & AB. RAZAK AB. KARIM

ABSTRAK

Sebahagian besar daripada nama suku di Negeri Sembilan merupakan nama sesuatu kawasan di Kabupaten 50 Kota. Berdasarkan pada fakta ini, seringkali dikatakan bahawa kata sapaan dialek Negeri Sembilan berasal dari daerah kabupaten tersebut. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membandingkan bentuk kata sapaan di kedua-dua kawasan kajian ini. Kata sapaan yang dibandingkan ialah kata sapaan yang digunakan dalam majlis separa rasmi. Data dikumpulkan dengan menggunakan kaedah semak dengan satu set teknik dasar dan teknik lanjut dan dianalisis dengan menggunakan kaedah padan pragmatis dan kaedah agih dengan satu set teknik dasar dan teknik lanjut. Kemudian, data dianalisis dengan teori sapaan yang dikemukakan oleh Ervin-Tripp (1972, 1976, 1986)). Dapatan daripada kajian ialah: bentuk kata sapaannya berbagai-bagai sesuai dengan kondisi sosial dan angkubah sosial daripada orang yang disapa; bentuk bahasa lain yang menyertainya selaras dengan bentuk kata sapaan; dan bentuk kata sapaan yang digunakan cenderung tidak memperlihatkan urutan unsur. Hasil daripada perbandingan diperoleh dapatan bahawa bentuk kata sapaan di kedua-dua kawasan kajian tidak hanya menunjukkan persamaan juga menunjukkan perbezaan.

Kata kunci: Kata; sapaan; Minangkabau; perbandingan

ABSTRACT

Most of the tribal names in Negeri Sembilan is the name of the place in Kabupaten 50 Kota. Based on this fact, it is often said that the forms of address in Negeri Sembilan derived from this district. This study aims to explain the forms of address that are used in the semi-final meeting. The data are collected by using the tapping method implemented with a set of technique. They are analyzed by using the identity and distribution of method implemented a set of techniques. Then the data are analyzed by theory in terms of address founded by Ervin-Tripp (1972, 1976, 1986). From the result obtained that the forms are various; the other unit of language is in line with the forms of address; and forms of address do not tend to have the order of elements. Furthermore, there also similarities and the differences of the forms of address in the two communities.

Keywords: Word; addressee; Minangkabau; comparative

PENGENALAN

Bentuk kata sapaan yang digunakan oleh masyarakat di Negeri Sembilan seringkali dikatakan berasal dari Minangkabau asal. Permasalahan ini berasas pada hasil daripada kajian pakar sejarah dan sosial-budaya tentang sejarah penghijrahan dan perbandingan sosial-budaya masyarakat di kedua-dua kawasan. Penghijrahan orang Minangkabau ke Semenanjung Tanah Melayu bermula daripada aktiviti perniagaan. Mobiliti ini sudah berlangsung seawal abad ke-15 (Josselin de Jong 1952: 9). Kejayaan kerajaan Melaka pada masa itu memberi rasa aman kepada mereka melakukan mobiliti ini. Mereka menjual barang niaga ke Melaka, Johor, Temasik (Singapura sekarang), Pulau Pinang,

dan kawasan sekitarnya. Sebahagian peniaga itu berniaga ulang alik. Sebahagian mereka menetap sementara di kawasan sekitaran perniagaan. Sebahagiannya pula masuk ke pedalaman dan membina kampung baharu di Negeri Sembilan seperti di Naning (sekarang termasuk Negeri Melaka), Daerah Rembau, dan Sungai Ujung (Naim 1979: 69). Penghijrahan orang Minangkabau tidak hanya membawa raga juga membawa sama budaya ibunda mereka (Idris 1990: 32), iaitu Minangkabau. Budaya asal ini digelar Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Dalam melakukan kegiatan budaya tentu diperlukan bahasa kerana bahasa merupakan alat untuk melakukan kegiatan budaya dan sarana pendukung kebudayaan itu. Bahasa memang merupakan bahagian daripada budaya. Kata sapaan

merupakan salah satu daripada satuan bahasa yang memungkinkan untuk menjejaki persamaan yang masih terdapat dalam bahasa masyarakat di kedua-dua kawasan kajian ini, iaitu Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota dan Daerah Rembau Negeri Sembilan.

Dengan permasalahan di atas, objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti bentuk dan penggunaan kata sapaan di kedua-dua kawasan kajian dan membandingkannya sehingga diperoleh persamaan dan perbezaan bentuk kata sapaan. Objektif kajian yang demikian belum ada dalam kajian yang dilakukan sebelumnya. Banyak kajian dilakukan pakar tentang kata sapaan dan kata panggilan. Satu di antara kajian tersebut bersifat perbandingan seperti yang dilakukan Media Sandra Kasih (2002). Perbandingan kata sapaan keluarga dalam bahasa Minangkabau dan bahasa Melayu Malaysia menghasilkan kesimpulan bahawa kedua-dua bahasa ini mempunyai kata sapaan yang berkait dengan urutan adik-beradik. Dapatan lainnya ialah bahawa kata sapaan bahasa Minangkabau lebih praktikal daripada bahasa Melayu Malaysia.

Data dikumpulkan dengan kaedah semak dengan seperangkat teknik dasar dan teknik lanjut. Kaedah semak atau kaedah pemerhatian (istilah Asmah Hj. Omar 2008) dilakukan dengan menyemak penggunaan bahasa (Sudaryanto 1993:133). Kaedah ini diwujudkan dengan teknik dasar teknik sadap, adat dalam majlis adat *Batimbang Tando* di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota dan *Menghantar Cincin Tanya* di Daerah Rembau. Penyadapan dilakukan dengan teknik lanjutan, iaitu semak bebas libat cakap atau pemerhatian luar (istilah Asmah Hj. Omar 2008). Dalam analisis data digunakan metode padan pragmatis (Sudaryanto 1993) dengan seperangkat teknik dasar dan teknik lanjut. Kaedah padan dilaksanakan dengan teknik dasar teknik pilah unsur penentu (*dividing-key-factors technique*). Teknik dasar ini diwujudkan dalam teknik lanjutan, iaitu teknik hubung banding menyamakan (HBS), teknik hubung banding membezakan (HBB), dan teknik hubung banding menyamakan hal pokok (HBSP). Ketiga-tiga teknik lanjutan ini selaras dengan objektif kajian.

Sebelum menghuraikan teori yang digunakan dalam menganalisis data akan dijelaskan terlebih dahulu konsep sekitaran kata sapaan. Kata sapaan ialah kata-kata yang digunakan untuk menyapa, menegur atau menyebut orang kedua, atau orang yang diajak bicara (Chaer 2000:107). Orang kedua pada takrifan ini adalah sama dengan orang yang

diajak bicara (kawan bicara). Fasold (1984:2-3) menggunakan istilah bentuk sapaan. Takrifan tidak berbeza dengan takrifan yang dirumuskan oleh Chaer di atas. Menurut Fasold (1984:2-3), pada amnya bahasa memiliki dua jenis bentuk kata sapaan. Keduanya ialah nama (*names*) dan kata ganti orang kedua (*second person pronouns*). Kridalaksana (1982) juga mendapati kedua-dua bentuk kata sapaan ini dalam penyelidikannya. Bentuk kata sapaan lain yang didapati antara lain ialah istilah kekerabatan dan gelaran. Istilah nama diri (*proper name, proper noun*) ialah nama orang, tempat, atau benda (Kridalaksana 2008:161). Kata ganti atau pronominal (*pronoun*) ialah kata yang menggantikan nominal atau frasa nominal (Kridalaksana 2008: 200). Kata ganti nama diri atau pronominal persona (*personal pronoun*) ialah pronominal yang menunjuk kategori persona (Kridalaksana 2008: 201). Seterusnya, istilah kekerabatan (*kinship terms, family terms*) ialah kata atau frasa yang mengungkapkan ahli sesuatu kelompok yang secara biologis berhubungan (berkerabat) (Kridalaksana 2008: 97). Dalam *Kamus Bahasa Indonesia* (Tim Penyusun Pusat Bahasa 2008), gelar atau gelaran ialah sebutan kehormatan, kebangsawanan, tetel, atau derajat yang ditambahkan di depan nama orang. Asmah Hj. Omar (2009) membahagi gelaran kepada delapan jenis yang satu daripadanya ialah gelaran kurniaan. Gelaran kurniaan, berasaskan huraian Asmah Hj. Omar (2009) diertikan sebagai gelaran yang dianugerahi oleh kerajaan atau pemerintah dan gelaran yang diperoleh seseorang kerana kejayaannya dalam bidang akademik atau ikhtisas. Amat Juhari Moain (1989) menambahkan gelaran yang didapati daripada jawatan yang disandang dan gelaran yang diterima mengikut sistem adat ke dalam gelaran kurniaan.

Teori sapaan yang dikemukakan oleh Ervin-Tripp (1972, 1976, 1986) digunakan untuk menganalisis data. Mengikut Ervin-Tripp, dalam penggunaan kata sapaan terdapat tiga kaedah atau peraturan. Ketiga-tiganya ialah Peraturan Alternasi (*Alternation Rules*), Peraturan Kemunculan Bersama (*Co-Occurrence Rules*), dan Peraturan Perurutan (*Sequencing Rules*) (Ervin-Tripp 1986). Peraturan Alternasi (*Alternation Rules*) berkenaan dengan pemilihan-pemilihan gaya bicara yang bersifat alternatif. Gaya bicara yang dimaksudkan di sini adalah bentuk kata sapaan yang bervariasi yang memberi alternasi bagi penggunaannya. Ervin-Tripp menggambarkan peraturan ini dengan menggunakan rajah sapaan yang berasas pada sistem sapaan bahasa Inggeris orang Amerika. Kotak wajik atau

diamond yang tersusun dan dilengkapi dengan kategori pilihan yang bersifat *binary* (berganda, +/-) yang menunjukkan bentuk kata sapaan yang sesuai dengan orang yang disapa atau pesapa. Kotak wajak ini menunjukkan tempat pemilihan (*selector*) yang menjadi kategori sosial yang membenarkan laluan-laluan (*path*) yang berbeza. Kategori sosial itu ialah situasi yang ditandai oleh: Status (*Status Market Setting*), Pangkat (*Rank*), Perangkat Identiti (*Identity Set*), Dewasa (*Adult*), Nama Diketahui (*Name Known*), Persanakan (*Kin*), Kawan atau Rakan Kerja (*Friend or Colleague*), Pangkat yang lebih tinggi (*Alter Higher Rank*), Umur yang lebih daripada 15 tahun (*Alter 15 Years Old*), Dispensasi (*Dispensation*), Generasi Terdahulu (*Ascending Generation*), dan Lebih Tua (*Older*). Dalam pemilihan kata sapaan di majlis separa rasmi ini tidak semua kategori sosial dilalui sehingga diketepikan dalam proses pemilihan tersebut.

Peraturan kedua, Peraturan Kemunculan Bersama (*Co-Occurrence Rules*) berkenaan dengan 'kesalingbergantungan alternasi'. Peraturan ini merupakan peraturan kemunculan secara bersama bentuk sapaan dengan bentuk lain. Peraturan ketiga, Peraturan Perurutan (*Sequencing Rules*) ialah aturan yang ditetapkan mengikut urutan. Unsur kata sapaan itu ada yang muncul di awal dan ada pula yang di akhir daripada serangkaian urutan. Yang dikenakan oleh peraturan ini ialah kata sapaan yang merupakan dapatan daripada penerapan dua peraturan sebelumnya.

KATA SAPAAN SEPARA RASMI DI NAGARI BATUHAMPAR

Data untuk kata sapaan separa rasmi diambil dari salah satu peringkat adat perkahwinan, iaitu majlis adat *Batimbang Tando* 'prosesi serah terima tanda pengikat'. Acara ini diselenggarakan di rumah bakal pengantin perempuan. Majlis adat ini dikatakan bersifat separa rasmi kerana ciri-ciri situasi rasmi seperti *bapasombahan* atau ucapan adat dan pengaturan acara dijumpai dalam majlis adat ini. Perbezaannya, pidato *pasambahan* dalam majlis *Batimbang Tando* tidak panjang dan pesertanya terbatas.

Penghulu disapa terlebih dahulu oleh jurubicara apabila penghulu tersebut menghadiri acara ini. Setidak-tidaknya pembesar adat dalam lingkungan zuriat ikut serta dalam acara ini. Pada awalnya, penyapaan berbentuk gelaran kurniaan (adat) lengkap yang kemudian cenderung berupa bentuk

pendek sahaja, iaitu *datuak* atau *tuak*. Setelah penghulu atau pembesar adat disapa, jurubicara melanjutkan menyapa peserta yang lain. Bentuk kata sapaannya cenderung berupa frasa bilangan seperti bentuk kata sapaan yang lain, iaitu *nan banyak* dan *nan basamo* yang didahului oleh ungkapan salam seperti *titah tabua ka* dan *solam kapado*. Berikut ini petikan ucapan adatnya. Jurubicara pihak lelaki disingkatkan JBPL dan jurubicara pihak perempuan disingkatkan JBPP.

JBPL: "Malah *Datuak*...."

'Manalah *Datuak*....'

JBPP: "Lai *Tuak*".

'Ada, *Tuak*'

JBPL: "Sungguhpun *Datuak* surang nan taimbau,

indak basisih jo bainggan,

titah tabua ka *nan banyak*,

solam kapado *nan basamo*,

dihadiri *ibu jo bapak*,

dalam lingkungan ninik mamak,

nyato dek tumbua iko kini,

adat limbago kito pakai,

pusaka usang sajak dulu. ..."

'Sungguhpun *Datuak* seorang yang dipanggil,

tidak disisihkan dan tidak dibatasi,

titah ditabur kepada orang banyak,

salam kepada semua,

dihadiri oleh *ibu dan bapak*,

dalam lingkungan ninik mamak,

memang ada maksud,

adat lembaga kita pakai,

pusaka usang sejak dahulu'.

Di antara yang hadir ada beberapa perempuan dan lelaki separa baya. Jurubicara menyapa dengan bentuk kata sapaan *ibu* dan *bapak*. Bentuk ini merupakan istilah kekerabatan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu yang lazim juga digunakan sebagai kata sapaan. Penggunaannya diiringi dengan nama kelompok mereka (lelaki), iaitu *lingkuangan niniak mamak*.

Kondisi sosial pertama dalam Peraturan Alternasi yang ditemukan oleh Ervin-Tripp (1972, 1976, 1986), Situasi yang ditandai oleh Status adalah jelas dalam majlis ini. Orang yang ikut serta dalam acara ini sudah ditetapkan termasuk penghulu dari kedua-dua belah pihak. Penghulu (bila hadir) ialah orang yang memiliki status. Selain penghulu ada pembesar adat lainnya (dalam lingkungan zuriat kedua-dua belah pihak) ahli keluarga ibu dan bapa (*bako* di Minangkabau asal dan *saudara mara bapa* di Negeri Sembilan) di kedua-dua belah pihak.

Kondisi sosial kedua, pangkat diperhitungkan dalam pemilihan bentuk kata sapaan dalam situasi separa rasmi. Meskipun acara *Batimbang Tando*

merupakan acara tradisional, namun orang yang terlibat di dalam acara tersebut menunjukkan perbezaan peringkat sosial. Perbezaan yang dimaksudkan tidak tercipta oleh pekerjaan di suatu tempat kerja, tetapi tercipta oleh adanya organisasi masyarakat adat. Setidak-tidaknya terdapat dua kelompok sosial dalam majlis ini. Kelompok pertama ialah pembesar adat. Penggunaan gelaran kurniaan adat, *datuk* menandakan adanya peringkat ini. Kelompok kedua terdiri daripada orang awam, iaitu ahli keluarga. Penanda kehadiran kelompok ini ialah penggunaan kata sapaan *nan+KT Bilangan* dan *nan+KT Kerja* yang bermakna jamak. Kondisi sosial ketiga, Perangkat Identiti termasuk kondisi sosial yang diperhitungkan dalam pemilihan kata sapaan separa rasmi. Selektor ini mengacu pada gelaran adat. Orang yang berstatus dan berjawatan penting yang terlibat dalam acara ini tidak banyak. Kedua-dua belah pihak melibatkan penghulu suku atau *tungganai* (pemimpin kumpulan zuriat seperingkat *paruik* (di Minangkabau asal) atau *ruang* (di Negeri Sembilan)). Oleh kerana itu, Perangkat Identiti mereka diketahui. Bentuk kata sapaannya berupa gelaran kurniaan adat. Gelaran lengkap hanya digunakan pada bahagian awal daripada ucapan adat. Pada bahagian seterusnya digunakan bentuk pendek (*datuak*, *tuak*). Bagi pembesar adat lain yang tidak diketahui status dan jawatannya disapa dengan istilah kekerabatan (*bapak* dan *ibu*) yang diikuti dengan nama kelompok (*lingkuangan niniak mamak*). Sapaan bagi ahli yang lain berupa frasa kata bilangan (*nan banyak* dan *nan basamo*).

Selektor dewasa, nama diketahui, persanakan (+) berserta selektor berikutnya, dan selektor bukan persanakan (-) berserta selektor berikutnya kecuali selektor yang telah dihuraikan di atas dan selektor jantina diketepikan dalam proses pemilihan bentuk kata sapaan separa rasmi ini. Oleh sebab acara ini separa rasmi, status dan jawatan berperanan dalam pemilihan bentuk kata sapaan. Selain daripada itu, ucapan adat tidak panjang sehingga bentuk kata sapaan pun tidak berbagai.

Rajah 2 merupakan rajah sistem daripada kata sapaan yang telah dibincangkan sebelumnya sebagai hasil penerapan daripada Peraturan Alternasi. Rajah sistem sapaan ini dibaca sebagai berikut. Situasi yang ditandai oleh status jelas (+), pangkat adalah sama (=), dan perangkat identiti diketahui (+), maka bentuk kata sapaannya ialah gelaran kurniaan (adat). Apabila pangkat lebih rendah (-) dan berjantina lelaki, maka bentuk kata sapaannya ialah istilah kekerabatan *bapak*. Sebaliknya apabila jantina ialah perempuan, maka bentuk kata sapaannya ialah

istilah kekerabatan *ibu*. Selanjutnya apabila pangkat lebih rendah (-), jantina tidak diidentifikasi, dan bilangan pesapa ramai, maka bentuk kata sapaannya ada dua. Pertama ialah *nan+kata bilangan jamak* (di singkat *KT BIL JAMAK*). Kedua ialah *nan+kata kerja* (di singkat *KT KERJA*).

Peraturan kedua daripada sistem sapaan yang dikemukakan oleh Ervin-Tripp (1972, 1976, 1986) ialah Peraturan Kemunculan Bersama. Seperti nama peraturan ini, penggunaan suatu kata sapaan akan disertai oleh kemunculan bentuk lain yang boleh berupa kata, frasa, dan ayat.

Pada acara *Batimbang Tando* yang bersituasi separa rasmi terdapat penggunaan bentuk kata sapaan yang lengkap meskipun cenderung muncul di awal *pasombahan*. Di samping bentuk ini juga didapat bentuk kata terbitan yang lengkap. Dalam pidato *pasombahan* tersebut didapat cukup banyak kata terbitan yang antara lain: *dihadiri* 'dihadiri', *taimbau* 'disapa', *basisiah* 'diasingkan', *bainggan* 'berbatas'. Kata terbitan ini terbentuk daripada imbuhan dan kata dasar. Kata terbitan di atas juga menjadi contoh leksikon khas yang ada dalam ucapan adat pada acara tersebut. Kata ini jarang digunakan dalam perbualan seharian. Kata sambung seperti *ungguahpun* 'ungguahpun' dan *nan* 'yang' juga sering digunakan. Kata *nan* sering muncul sebagai bahagian daripada frasa seperti *nan banyak* 'yang banyak' dan *nan basamo* 'yang bersama'. Bahasa dalam pidato ini juga berkias seperti kutipan pidato *pasombahan* berikut ini: ... *nan nyato iko kini, dari ketek baransu godang, kiniko godang lah sampai, siap mandayuang rumah tangga, pahami lah bulek dalam ati, jikok padusi bajunjuangan, kok laki-laki bakawan iduk, itu nan sunah dari nabi, ...* 'yang jelas saat ini, dari kecil beransur besar, kini besarnya telah cukup, siap mendayung rumah tangga, fahamlah bulat dalam hati, perempuan memiliki suami, lelaki berkawan hidup, itu sunah nabi, ...'. Pantun juga digunakan dalam ucapan adat dalam acara adat ini seperti petikan pidato berikut: ... *apolah baju rang kunari, bajulah sudah dari balai, apolah rajo di nagori, alu jo patuik kito pakai, ...* "apakah baju orang Kinari, baju sudah jadi dari pekan, apakah raja dari nagari, alur dan patut kita pakai..." Bentuk-bentuk bahasa yang muncul bersama dengan kata sapaan di atas jarang bahkan tidak digunakan dalam perbualan seharian.

Peraturan ketiga daripada sistem kata sapaan yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp (1986) ialah Peraturan Urutan. Dalam majlis separa rasmi, bentuk kata sapaannya cenderung berupa gelaran kurniaan adat bukan nama lengkap yang tersusun

daripada sejumlah bentuk kata sapaan (nama diri dan pelbagai gelaran). Gelaran lengkap digunakan di awal *pasombahan* sahaja. Ertinya, dalam situasi ini tidak didapat rangkaian urutan daripada bentuk kata sapaan. Keadaan demikian juga berlaku pada bentuk kata sapaan yang lain. Kata sapaan bagi orang banyak (sekumpulan pembesar adat) memperlihatkan rangkaian, iaitu *nan+kata bilangan jamak*.

KATA SAPAAN SEPARA RASMI DI DAERAH REMBAU

Data untuk kata sapaan separa rasmi diambil dari acara adat *Menghantar Cincin Tanya*. Acara ini merupakan salah satu bahagian daripada serangkaian prosesi adat perkahwinan. Dalam acara ini ada dialog antara pihak calon pengantin perempuan dengan pihak calon pengantin lelaki. Mereka berdialog untuk mencari kata muafakat seperti diamanatkan dalam perbilang adat: *bulat air dek pembetung, bulat kata dek muafakat*. Majlis diarahkan oleh jurubicara kedua-dua kelompok.

Dalam rundingan tersebut terjadi peristiwa tegur sapa antara kedua-dua belah pihak. Kata sapaan yang digunakan bergantung kepada orang yang hadir dalam rundingan tersebut. Jurubicara tidak hanya menyapa jurubicara kelompok lain. Pada bahagian tertentu, mereka juga menyapa semua hadirin. Khusus bagi jurubicara disapa dengan gelaran singkat, iaitu *datuk*.

Bentuk kata sapaan yang lain ialah *abang, kakak, dan adik-adik semua* yang ditujukan kepada segala orang. Penyapaan berurut, bermula daripada orang yang dianggap paling senior, disapa dengan *datuk*, sampai kepada orang yang paling muda di antara kelompok tersebut.

JBPL: “*Datuk, abang, kakak, dan adik-adik semua.*
Kami ini ialah ibarat:
kok umur belum setahun jagung,
kok darah belum setampuk pinang,
kok akar belum selilit telunjuk,
.....
Sembah Datuk”.

Dalam pidato majlis adat perkahwinan di peringkat lain, *Menghantar dan Menerima Tanda* dalam peringkat adat *Pinang-meminang* didapat bentuk kata sapaan yang berbeza dengan bentuk kata sapaan di atas. Bentuk kata sapaannya ialah *datuk-datuk, bapak-bapak, dan hadirin sekalian*. Pada pidato balasan, ada penggunaan bentuk kata

sapaan yang berbeza, iaitu *bapak dan adik-adik sekalian*. Sementara bentuk *abang* tidak muncul pada pidato balasan. Berikut petikan ucapan adat.

Kondisi sosial pada peraturan pertama daripada sistem sapaan Ervin-Tripp, iaitu Peraturan Alternasi mempengaruhi pemilihan bentuk kata sapaan dalam situasi separa rasmi. Kondisi sosial pertama, situasi yang ditandai oleh status menentukan pemilihan bentuk kata sapaan separa rasmi ini. Dari latar dan pesertanya, orang menggunakan bentuk kata sapaan yang sesuai dengan status dan jawatan adat peserta.

Kondisi sosial kedua, iaitu pangkat menentukan dalam pemilihan bentuk kata sapaan separa rasmi. Bentuk *datuk* mengindikasikan kehadiran pembesar adat dalam majlis ini.

Kondisi sosial ketiga, iaitu Perangkat Identiti termasuk selektor yang menentukan dalam pemilihan kata sapaan. Orang yang memenuhi kondisi ini terbatas, iaitu jurubicara. Oleh itu, bentuk kata sapaan *datuk* digunakan oleh jurubicara untuk menyapa jurubicara lawan. Bagi ahli rombongan yang lain disapa dengan istilah kekerabatan dan kata ganti nama diri am (*hadirin*) yang diikuti oleh penjamaknya (*sekalian*).

Selektor lainnya diketepikan kerana situasi acara ini bersifat separa rasmi, kecuali jantina. Semua selektor ini tidak mempengaruhi pemilihan kata sapaan.

Sistem kata sapaan separa rasmi digambarkan dalam bentuk rajah seperti Rajah 3. Rajah dibaca seperti berikut. Situasi yang ditandai oleh status jelas (+), pangkat sama (=), perangkat identiti diketahui (+), maka bentuk kata sapaannya ialah gelaran kurniaan (adat). Selanjutnya, apabila pangkat lebih rendah (-), perangkat identiti tidak diketahui (-), umur lebih tua (+), dan berjantina lelaki (+), maka bentuk kata sapaannya ialah istilah kekerabatan. Apabila umur lebih muda (-) dan berjantina lelaki dan perempuan (+) dan (-), bentuk kata sapaannya ialah istilah kekerabatan atau istilah kekerabatan yang diikuti oleh bilangan jamak. Apabila umur pesapa lebih tua (+) dan lebih muda daripada umur penyapa (-), serta sama dengan umur penyapa (=), maka bentuk kata sapaan ialah kata ganti nama diri am.

Aplikasi daripada Peraturan Kemunculan Bersama daripada sistem sapaan rumusan Ervin-Tripp (1972, 1976, 1986) pada penggunaan bentuk kata sapaan menunjukkan penyertaan bentuk bahasa lain. Bentuk tersebut selaras dengan bentuk kata sapaan yang digunakan dalam situasi separa rasmi. Bentuk yang dimaksudkan ialah penggunaan imbuhan yang tegas seperti *bobanyak, silakan, dan*

disorongkan. Kata terbitan ini terbentuk daripada imbuhan dan kata dasar. Pada ucapan adat ini juga terdapat penggunaan kata khas seperti *sombah* ‘sembah’ dan penggunaan kata sambung *nan* ‘yang’. Bahasa dalam ucapan ini juga berkias seperti kutipan berikut ini: *kok hujan bopokok, kok kato bopangka, sakit bomulo, mati bosobab* ‘kalau hujan bopokok, kalau kata berpangkal, sakit bermula, mati bersebab’. Dalam ucapan juga banyak dipakai pantun. Pantun tidak hanya digunakan untuk memulakan dan mengakhiri rundingan, juga untuk menyampaikan hal rundingan. Contoh pantun dalam ucapan itu ialah *anak belatuk di pohon slasih, daun koring di ateh lantai, jomput datuk makan sirih, sirih koring pinangnya kutai*.

Peraturan ketiga daripada sistem kata sapaan yang dirumuskan oleh Ervin-Tripp (1986) ialah Peraturan Urutan. Seperti dalam majlis separa rasmi di Nagari Batuhampar, bentuk kata sapaannya juga cenderung berupa gelaran adat yang singkat. Oleh itu, dalam situasi ini tidak didapat urutan daripada unsur kata sapaan. Bentuk kata sapaan hanya terdiri daripada satu unsur, iaitu istilah kekerabatan dan kata sapaan am yang diikuti kata yang bermakna jamak.

PERBANDINGAN KATA SAPAAN SEPARA RASMI

Perbandingan dilakukan untuk mendapatkan persamaan dan perbezaan bentuk kata sapaan antara kedua-dua kawasan kajian.

PERSAMAAN KATA SAPAAN SEPARA RASMI

Bentuk kata sapaan dalam situasi separa rasmi menunjukkan banyak persamaan antara kedua-dua kawasan kajian. Rumusannya ditampikan pada Jadual 1.

Persamaannya ialah bentuk kata sapaan yang berupa gelaran yang salah satu daripadanya ada yang sama. Unsur itu ialah *datuak* atau *tuak* di Nagari Batuhampar dan *datuk* atau *tuk* di Daerah Rembau. Persamaan seterusnya ialah penggunaan istilah kekerabatan sebagai bentuk kata sapaan. Bentuk istilah kekerabatan yang digunakan sebagai kata sapaan ada yang sama, iaitu *bapak*. Di samping persamaan di atas masih terdapat persamaan yang lain, iaitu penggunaan bentuk kata sapaan yang bersifat am yang bermakna jamak dengan penambahan unsur lain yang juga bermakna jamak. Bentuknya tidak sama, namun bentuk-bentuk tersebut bukanlah bentuk

yang asing bagi masyarakat di kedua-dua kawasan kajian. Persamaan lain berkaitan dengan Peraturan Kemunculan Bersama. Di kedua-dua kawasan kajian, kemunculan bentuk lain daripada bahasa selaras dengan bentuk kata sapaan yang digunakan. Bentuk lain itu berupa penggunaan gelaran, bentuk kata terbitan yang juga masih lengkap, leksikon yang khas, bahasa yang berkias, dan penggunaan pantun.

Persamaan yang berkaitan dengan urutan bentuk kata sapaan, kedua-dua kawasan kajian cenderung tidak menunjukkan urutan unsur daripada bentuk kata sapaan. Ini berkaitan dengan jenis acara tempat bentuk kata sapaan ini digunakan.

PERBEZAAN KATA SAPAAN SEPARA RASMI

Bentuk kata sapaan dalam situasi separa rasmi antara kedua-dua kawasan kajian tidak banyak menunjukkan perbezaan. Perbezaan berkaitan dengan penggunaan kata ganti nama diri am di Daerah Rembau yang tidak digunakan di Nagari Batuhampar. Rumusannya terdapat pada Jadual 2.

PENUTUP

Daripada perbincangan tentang bentuk kata sapaan di Nagari Batuhampar Kecamatan Akabiluru Kabupaten 50 Kota dan Daerah Rembau boleh dibuat beberapa simpulan. Pertama, bentuk kata sapaan dalam majlis separa rasmi terdiri daripada gelaran, istilah kekerabatan, bentuk yang berupa frasa mengandungi unsur kata bilangan jamak atau bermakna jamak, dan kata ganti nama diri am. Bentuk-bentuk tersebut menggambarkan komposisi orang yang ikut serta dalam majlis tersebut. Penggunaan istilah kekerabatan berkaitan dengan jenis acara yang bersifat kekeluargaan. Kedua, bentuk bahasa lain yang menyertai bentuk kata sapaan tersebut selaras dengan bentuk kata sapaan. Ketiga, persamaan bentuk kata sapaan antara kedua-dua kawasan menunjukkan lebih banyak persamaan berbanding perbezaan.

RUJUKAN

- Amat Juhari Moain. 1989. *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chaer, A. 2000. *Tata Bahasa Praktis Bahasa Indonesia*. Jakarta: Bharata Karya Aksara.

Ervin-Tripp, S. 1972. "Sociolinguistic Rules of Address". Dalam *Sociolinguistics: Selected Reading*, disunting oleh Pride, J.B. dan Janet Holmes. Middlesex: Penguin Books Ltd.

Ervin-Tripp, S. 1976. Sociolinguistics. Dlm. *Advances in The Sociology of Language* Vol. I. Basic Concepts, Theories and Problems: Alternative Approach disunting oleh Fishman, Joshua A. The Hague-Paris: Mouton.

Ervin-Tripp, S. 1986. On Sociolinguistics Rules: Alternation and Co-occurrence. Dlm. *Directions in Sociolinguistics*, disunting oleh Gumperz, John J dan Del Hymes. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.

Fasold, R. 1984. *The Sociolinguistic of Language*. Cambridge Centre: Basil Blackwell Inc.

Idris, A.S. 1990. *Payung Terkembang*. Kuala Lumpur: Pustaka Budiman.

Josseline De Yong, P.E. de. 1952. *Minangkabau and Negeri Sembilan: Socio-Political Structure in Indonesia*. The Hague: Martinus Nijhoff.


Kridalaksana, H. 1982. *Dinamika Tutur Sapa dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: Bhratara.

Media Sandra Kasih. 2002. Sistem Kata Sapaan Keluarga Bahasa Minangkabau dan Melayu Suatu Perbandingan. Dlm. *Menelusuri Jejak Melayu-Minangkabau*, 121-130. Padang: Yayasan Citra Budaya Indonesia.


Naim, M. 1979. *Merantau: Pola Migrasi Suku Minangkabau*. Yogyakarta: Gajah Mada University Press.

Sudaryanto. 1993. *Metode dan Aneka Teknik Analisis Bahasa*. Yogyakarta: Duta Wacana University Press.

Tim Penyusun Pusat Bahasa. 2008. *Kamus Bahasa Indonesia*. Jakarta: Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional.




RAJAH 2. Sistem Kata Sapaan Separa Rasmi di Nagari Batuhamper



RAJAH 3. Sistem Kata Sapaan Separa Rasmi di Daerah Rembau

APPENDIKS



RAJAH 1. Sistem Kata Sapaan Model Ervin-Tripp

JADUAL 1. Persamaan Kata Sapaan Separa Rasmi

No.	Persamaan
1	Sapaan kepada semua unsur yang hadir dalam majlis
2	Bentuk kata sapaan yang berupa gelaran kurniaan
3	Bentuk kata sapaan yang berupa istilah kekerabatan
4	Persamaan ciri-ciri bentuk bahasa lain yang menyertai bentuk kata sapaan

JADUAL 2. Perbezaan Kata Sapaan Separa Rasmi

No.	Perbezaan
1	Nagari Batuhamper : tidak terdapat penggunaan kata ganti nama diri am sebagai bentuk kata sapaan Daerah Rembau : terdapat penggunaan kata ganti nama diri am sebagai bentuk kata sapaan

Dra. Reniwati, M.Hum.

Pensyarah

Jurusan Sastra Daerah Fakultas Ilmu Budaya

Universitan Andalas

Pelajar Program Ph.D

Jabatan Bahasa Melayu Akademi Pengajian Melayu

Universiti Malaya

E-mail: reniwati.fsua@gmail.com

Prof. Madya Dr. Ab. Razak Ab. Karim

Pensyarah

Jabatan Bahasa Melayu Akademi Pengajian Melayu

Universiti Malaya

E-mail: abrazak@um.edu.my